



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH GLOBALISASI TERHADAP MASYARAKAT ISLAM MENGIKUT
PANDANGAN YUSUF AL-QARADHAWI***

HUSNI BIN MUHAMMAD HARUN

FEM 2015 31




**PENGARUH GLOBALISASI TERHADAP MASYARAKAT ISLAM
MENGIKUT PANDANGAN YUSUF AL-QARADHAWI**

Oleh

HUSNI BIN MUHAMMAD HARUN

Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains

Ogos 2015



© COPYRIGHT UPM

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Khusus kepada yang dicintai yang sentiasa memberi sokongan dan semangat kedua-dua bunda dan ayahanda;Hjh Aminah bt Amin dan Hj. Muhd. Harun Bin Puteh yang sentiasa memberi dorongan untuk menambah ilmu pengetahuan.

Kepada isteri yang menumpahkan sepenuh kasih sayang, kasih dirayu manja dipadu serta memberi motivasi menuju puncak kejayaan.

Kepada anak-anak ku,semoga kejayaan tidak seberapa ini menjadi pembakar semangat untuk menimba ilmu, tidak jemu, suburkan minat agar mekar di jiwa pembakar semangat untuk teruskan usaha ke tangga kejayaan



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENGARUH GLOBALISASI TERHADAP MASYARAKAT ISLAM
MENGIKUT PANDANGAN YUSUF AL-QARADHAWI**

Oleh

HUSNI BIN MUHAMMAD HARUN

Ogos 2015

Pengerusi : Prof Madya Nurdeng Deuraseh, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Istilah “globalisasi” bukanlah istilah yang kabur kerana ia boleh difahami melalui kesannya yang telah mempengaruhi umat Islam. Gelombang baru atas nama ‘globalisasi’ disebar ke dunia termasuklah dunia Islam. Selepas era penjajahan dunia barat ke atas dunia Islam, arus baru pula disasarkan. Kali ini ia lebih menyebarkan idologi dan gaya hidup yang mengelirukan umat Islam sehingga ada yang telah diperangkap. Ramai golongan pemikir dan ahli politik sering mengutarakan pandangan dan sikap apabila membahaskan isu globalisasi. Globalisasi ada baik buruknya dan masyarakat Islam tidak harus menerima secara bulat-bulatnya.

Kajian ini bertujuan untuk meganalisa pandangan Yusuf al-Qaradhawi berkaitan dengan globalisasi dan penyebaran hegemoni barat terhadap masyarakat Islam serta mengenal pasti impak positif dan negatifnya terhadap masyarakat Islam. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis pandangan ilmuan Islam Yusuf Al-Qaradhawi terhadap pengaruh globalisasi dan penyebaran hegemoni barat terhadap masyarakat Islam. Kajian perpustakaan ini dijalankan untuk memenuhi tujuan yang tersebut di atas dengan menganalisa tulisan ilmiah dan pandangan-pandangan ilmuan yang berkaitan dengan pengaruh globalisasi terutamanya Yusuf al-Qaradhawi. Yusuf al-Qaradhawi menemui bahawa globalisasi ada kaitan secara langsung dengan sistem ekonomi kapitalis yang bertunjang dan berlandaskan prinsip dan nilai-nilai ekonomi terbuka dan berpihak kepada yang berkuasa yang sebahagiannya bertentangan dengan Islam. Ciri asas sistem ekonomi ini adalah mengenai penekanan mutlaknya kepada budaya kebendaan dan penafiannya terhadap nilai kerohanian dan nilai kudus. Ini jelas menunjukkan bahawa peringkat dasar lagi, objektif globalisasi ada juga bertentangan dengan keadilan sangat. Ini adalah hakikat yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Dunia Islam mungkin mendapat faedah daripada pendekatan pasaran bebas di peringkat antarabangsa melalui sistem ekonomi ini, tetapi faedah yang diperoleh daripadanya lebih bersifat pinggiran (marginal) dan kecil sahaja berbanding faedah yang berlipat kali ganda dikaut oleh para pengawal globalisasi itu sendiri iaitu negara-negara kaya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of
the requirement for degree of Master of Science

**THE INFLUENCE GLOBALIZATION TOWARDS THE MUSLIM SOCIETY
THE VIEWS OF YUSUF AL-QARADHAWI**

By

HUSNI HARUN BIN MUHAMMAD

August 2015

**Chairman: Associate Professor Nurdeng Deuraseh, PhD.
Faculty : Human Ecology**

Background: The term "globalization" is not a vague term as it can be understood through its impact, which directly influences the Muslims. The new wave in the name of 'globalization' has been spread throughout the world including the Islamic world. After the colonial era of the western world over the Muslim world has passed, the new flow is also targeted, this time it is spread ideology and lifestyle so as to mislead the Muslims who had been trapped there. Many of the thinkers and politicians often express views and attitudes when debating the issue of globalization. Globalization has its pros and cons and the Muslims should not accept it wholly.

The objective of the study: This research is meant to analyze the books and thesis that is closely related to globalization and the spreading of western hegemony towards the Muslims and identify the pros and cons of it towards the Muslim communities. This research is also meant to analyze the views of Yusuf al-Qaradhwai, a Muslim scholar, on the influence of globalization and the spreading of western hegemony towards the Muslims. **Methodology:** literature review was conducted to fulfill the above objectives by analyzing the scientific and scholarly writings and views on globalization especially from Yusuf al-Qaradhwai. **Findings:** Yusuf al-Qaradhwai discovered that globalization is associated directly with the capitalist economic system, which is rooted and based on principles and values in favor of open economies and the authorities that are partly against Islamic economics. A basic feature of capitalist economic system is its absolute emphasis on material culture and the denial of the spiritual and sacred values. This clearly shows that the objective of globalization will partly be contrary to natural justice. The Islamic world may benefit from a free market approach at the international level through the economic system, but the benefits derived from it would be peripheral (marginal) and small compared to the multiple benefits gained by globalization itself, namely the rich countries.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang maha pengasih dan penyayang

Pertama sekali saya ingin memanjatkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya saya diberikan kekuatan, idea dan kesihatan yang baik yang membolehkan saya mendapatkan persekitaran yang selesa dan tenang yang membolehkan saya menyiapkan tesis ini dengan penuh semangat dan ketekunan. Tanpa izin dan rahmat daripada Maha Pencipta ini mana mungkin saya dapat menyiapkan tesis ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Begitu juga buat junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW yang merupakan penghulu segala ummat di alam ini.

Selain itu juga, jutaan terima kasih saya tujuhan khas buat penasihat projek saya iaitu Prof. Madya Dr. Nurdeng Deuraseh dan Pof.Madya Dr. Haslinda Abdullah kerana telah banyak membantu saya dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi sepanjang menyiapkan projek ini.

Mereka sangat ikhlas dan teliti dalam membimbing supaya projek yang disiapkan akan bertambah kualiti dan mencapai tahap yang dikehendaki. Mereka juga tidak lokek untuk berkongsi maklumat dan pandangan dengan saya. Tanpa bantuan yang diberikan sudah tentu saya sukar untuk mendapatkan maklumat dan sumber rujukan yang tepat. Mereka juga sangat ikhlas dan teliti dalam membimbing projek ini supaya bertambah kualiti dan mencapai tahap yang dikehendaki.

Seterusnya, saya dengan rasa rendah diri merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya kepada Prof.Dr. Zaid Ahmad and Prof. Dr. Jayum Jawan, di atas galakan yang diberikan kepada pelajar- pelajar untuk menjadi pelajar yang berintelektual tinggi.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa, isteri tercinta, Hjh. Razmalita Marzuki dan anak-anak di atas segala sokongan padu yang telah diberikan. Kalian tidak pernah jemu memberikan sokongan moral sepanjang pelaksanaan projek ini. Terima kasih juga buat kakanda tersayang yang telah banyak memberikan maklumat dan sumber rujukan mengenai Globalisasi Terhadap Masyarakat Islam.

Akhir sekali, penghargaan ini juga dituju kepada semua yang terlibat secara langsung maupun tidak dalam menjayakan projek ilmiah ini. Semoga hasil kajian ini dapat memberikan manfaat yang berguna kepada semua untuk dijadikan bahan rujukan di masa-masa akan datang. Semoga Allah SWT memberkati segala apa yang telah kita laksanakan. Amin.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatan kuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 27 Ogos 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Husni Bin Muhammad Harun untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Pengaruh Dan Kesan Globalisasi Serta Penyebaran Hegemoni Barat Terhadap Masyarakat Islam Di Malaysia.” Mengikut akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sains.

Ahli pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Ahmad Tarmizi bin Talib,PhD

Prof. Madya

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Ma'ruf bin Redzuan,PhD

Prof. Madya

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Adlina binti Ab Halim,PhD

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Nizaita binti Omar,PhD

Prof Madya

Fakulti Kontemporari Islam

Universiti Sultan Zainal Abidin

Malaysia

(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN BIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia.

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nurdeng Deuraseh,PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Haslinda Abdullah,PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT,PhD

Professor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan / fabrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012 telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiati;

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No Matrik: Husni Bin Muhammad Harun (GS17156)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia(Pengajian Siswazah) 2003(Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi _____
Jawatankuasa _____
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi _____
Jawatankuasa _____
Penyeliaan _____



JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN	xi
GLOSARI	xii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Organisasi Tesis	7
1.6 Definisi Istilah	8
1.7 Skop & Batasan Kajian	11
2 TINJAUAN LITERATUR	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Islam dan Globalisasi	13
2.3 Pertembungan Tamadun Islam dengan Tamadun Lain	14
2.4 Masyarakat, Budaya dan Perubahan Era Globalisasi	15
2.5 Globalisasi dan Sistem Pendidikan Kontemporari	16
2.6 Generasi Muda Islam Era Globalisasi	17
2.7 Kemerdekaan Era Globalisasi	17
2.8 Proses globalisasi dan hegemoni barat terhadap Islam	18
2.9 Perubahan menurut al-Qur'an & Globalisasi	19
3 METODOLOGI KAJIAN	20
3.1 Pengenalan	20
3.2 Tatacara Kajian dan Kaedah Pengumpulan Data	20
3.3 Metod Pemprosesan Data	21
3.4 Analisis Kandungan	21
4 PANDANGAN YUSUF AL-QARADHWI TENTANG PENYEBARAN DAN PENGARUH HEGEMONI BARAT DAN GLOBALISASI TERHADAP ISLAM	22
4.1 Pengenalan	22
4.2 Globalisasi dan Hegemoni Bahasa	25
4.3 Gobalisasi Agama	27
4.4 Pengaruh Islam terhadap Eropah	28

4.5	Globalisasi Politik	32
4.6	Globalisasi Ekonomi	37
4.7	Globalisasi dan Sekularisme: Satu Gelombang Tetapi Berlainan Wajah	49
4.8	Kekuatan Islam dan globalisasi	51
4.9	Memperhebat Dialog antara Agama	51
4.10	Memperkasa Martabat Ulama dan Sarjana	52
4.11	Mengeratkan Hubungan Ulama, Umarak dan Ummah	52
4.12	Menyemarakkan Semangat Kekitaan	53
4.13	Bersatu Era Globalisasi	53
4.14	Globalisasi dan Pengamerikan Dunia	55
4.15	Kemiskinan dan Penindasan	55
4.16	Teknologi Maklumat	56
4.17	Mengamalkan Sikap Terbuka	57
4.18	Interaksi dan Dialog antara Islam dan Barat	57
4.19	Kaedah-kaedah yang Perlu bagi Menghadapi Globalisasi	58
4.20	Persediaan Menghadapi Globalisasi	61
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	64
5.1	Pengenalan	64
5.2	Kesimpulan	64
5.3	Implikasi	65
	RUJUKAN	68
	BIODATA PELAJAR	72

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Maklumat Makro Ekonomi Negara Asia Terpilih yang Dilanda Krisis Kewangan (Contoh Kesan Negatif Globalisasi Ekonomi)	46
2	Pembolehubah Ekonomi Malaysia 1990-98 (Contoh Kesan Negatif Globalisasi Ekonomi)	47



SENARAI SINGKATAN

WTO	:World Trade Organization
IMF	:International Monetary Fund
IBRD	:International Bank for Reconstruction and Development
ASEAN	: Association of Southeast Asian Nation
AFTA	: Asian Free Trade Area
CNN	: Cable News Network
BBC	: British Broadcasting Corporation
MSC	: Malaysian Super Corridor
MIMOS	: Malaysian Institute of Microelectronic System
AS	: Amerika Syarikat
ISIL	: Islamic State of Iraq and Libanon
IBM	: International Business Machines
STMB	: Syarikat Telekom Malaysia Berhad
NTV7	: Network Television 7
ASTRO	: Asian Satelite Television Redio Organisation
MTUC	: Malaysian Trade Union Congress
KNK	: Keluaran Negara Kasar
KDNK	: Keluaran Dalam Negara Kasar
UNCTAD	: United Nation Conference on Trade and Development
FDI	: Foreign Direct Investment

GLOSARI

- 'Aulamah : Berasal dari kata "Alam" bermakna alam dunia.
- 'Alamiyyah : Ciri universalisme Islam yang mengandungi konsep untuk seluruh dunia. Islam sesuai diamalkan dimana sahaja.
- Hadatha : Modernisasi
- Universalisme : Ideologi pengantarabangsaan.
- Ummatan wahidah : Ummat yang satu dan bersatu dalam semua perkara walaupun dibatasi oleh batas geografi.
- Ukhuwwah Islamiah : Persaudaraan Islam walaupun berlainan bangsa dan warna kulit dan walaupun tidak ada hubungan kekeluargaan.
- Hegemon : Dominasi sesuatu negara atas negara-negara lain.
- Americalization : Mengamericanize (mengamerikakan) masyarakat dan mengglobalisasikan fahaman berkenaan.
- Liberalisasi : Penerimaan model ekonomi capital yang berdasarkan pergerakan barang dan perkhidmatan tanpa sekatan antara bidang ekonomi berasingan.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Globalisasi merupakan fenomena sangat yang telah diberi perhatian oleh semua masyarakat. Malahan, pembangunan di negara-negara sedang membangun telah dipengaruhi oleh negara-negara barat yang memiliki teknologi tinggi. Di dalam meniliti arus globalisasi dunia era pasca modernisasi ini, manusia masih lagi terikat dengan fahaman agama, budaya dan kepercayaan masing-masing sebagai asas yang membentuk jatidiri manusia. Pelbagai isu dan masalah yang berkaitan umat Islam, baik yang diwariskan oleh generasi terdahulu ataupun yang berkembang dalam era globalisasi, menjadi isu terpenting untuk dikaji. Pemikiran pengaruh tentang globalisasi dan penyebaran hegemoni barat terhadap umat Islam terutama pandangan Prof. Dr. Yusuf Al-Qaradhawi, salah seorang ilmuwan kontemporari terkenal di seluruh dunia termasuk dunia Arab dan Melayu, perlu diberi perhatian dalam usaha memahami perkara tersebut. Beliau dari awal lagi telah mempersoalkan globalisasi dan hegemoni barat. Beliau berkata:

Mengapa akhir-akhir ini banyak terjadi penyelewengan fatwa? Penyebabnya, antara lain kerana adanya kecenderungan untuk mengikuti cara-cara pemikiran Barat atau dengan kata lain “Menyembah pemikiran dan peradaban Barat.” Sesungguhnya, ada beberapa orang dari ummat kita yang lebih suka mengikut pola fikir dan hidup orang barat. Mereka menganggap barat merupakan anutan yang harus dicontohi dan diteladani segala kemajuan peradaban dan pola pikirnya. Sehingga pemikiran kita tentang peradaban dan hukum-hukum kita yang bertentangan dengan barat dianggap aib (cacat atau cela), ketinggalan zaman dan kurang sempurna. Segala sesuatu yang datang dari barat itulah yang baik dan benar; segala yang bertentangan dengan barat adalah jelek dan keliru (Yusuf Al-Qaradhawi, 1996: 86).

Kajian ini akan membincangkan pandangan Yusuf al-Qaradhawi tentang pengaruh globalisasi dan hegemoni barat terhadap masyarakat Islam khususnya pada masa sekarang. Masyarakat Islam mengamalkan gaya hidup Barat akibat globalisasi yang datang melalui pelbagai perantaraan terutamanya media dan alat-alat teknologi maklumat, sebagaimana kata, Yusuf Al-Qaradhawi:

Akibat pengaruh dari media massa, orang ramai makin terpengaruh dan mula menuju ke arah budaya barat iaitu memilih gaya hidup, ekonomi, budaya dan politik malah agama sekalipun mereka tukar mana yang sesuai dengan nafsu dan budaya barat (Yusuf Al-Qaradhawi, 2001: 2)

Berdasarkan petikan di atas, jelas bahawa Al-Qaradhawi sedar mengenai arus yang sedang melanda umat Islam, yang sangat berhajat kepada tamadun dan cara hidup kearah yang lebih harmoni. Dalam hal ini, Yusuf Al-Qaradhawi menegaskan:

Manusia moden pada hari ini memerlukan tamadun baru yang memiliki satu misi dan falsafah yang berbeza dengan falsafah dan misi tamadun Barat dengan dua alirannya iaitu Kapitalisme dan Komunisme, kedua-duanya adalah dari satu sumber yang sama iaitu dari pohon yang terlaknat dalam Al-Quran, Taurat dan Injil iaitu pohon materialisme pragmatis. Ummat manusia menghajatkan satu tamadun yang dapat mengembalikan Iman mereka kepada Allah dan ajaran Rasulnya, perjumpaan dengan-Nya, hari hisab dan ganjaran-Nya, nilai-nilai transedetal yang dapat menjadikan manusia berperikemanusiaan dan menjadikan hidup mereka bermakna (Yusuf Al-Qardhawi, 1999: 8).

Sebelum 1970-an, kajian tentang pemgaruh Islam hanya terhad kepada empat dimensi berdasarkan lokasi penyebaran Islam, iaitu kawasan pengaruh kebudayaan Arab (Timur Tengah dan Africa Utara termasuk Sepanyol Islam), kawasan pengaruh kebudayaan Persia (Iran dan negara-negara Islam Asia Tengah), kawasan pengaruh kebudayaan Turki, dan kawasan pengaruh kebudayaan India-Islam.

Di atas adalah antara isu yang membawa pengkaji mahu membuat kajian tentang pandangan Yusuf al-Qardhawi terhadap globalisasi. Sebelum ini, kajian tidak secara menyeluruh, maka dalam hal ini, pengkaji mendapat betapa perlunya melihat pelbagai dimensi globalisasi kontemporari sebagai relevan dan penting dalam kajian berkaitan dengan Islam. Dalam kajian ini, disenaraikan pelbagai dimensi globalisasi yang dapat dikenalpasti supaya gambaran menyeluruh diperolehi tentang globalisasi. Seterusnya akan diteliti sifat dan ciri-ciri setiap dimensi dan apa pentingnya dimensi berkenaan kepada negara ini. Setiap dimensi boleh dilihat dan diterokai sama ada secara berasingan dan terpisah daripada dimensi-dimensi lain atau pun dilihat secara interaktif dan kait mengait antara satu sama lain. Tetapi kepentingan masing-masing dimensi haruslah diakui.

Kajian ini sesuai dijalankan kerana ia akan mengkaji hubungan antara globalisasi dengan tamadun Barat seterusnya pengaruh kepada masyarakat Islam. Peradaban yang kuat dan cergas lagi dinamik boleh mencetuskan serta mencorakkan globalisasi. Sebaliknya pula globalisasi boleh meninggalkan kesan yang positif dan juga negatif ke atas peradaban. Dinamika interaksi antara peradaban dan globalisasi memang perlu dikaji dan difahami dengan mendalam kerana dampaknya tidak semestinya dapat dilihat dan dirasai dengan serta merta. Kajian ini adalah perlu demi mempertahankan peradaban kita daripada serangan unsur-unsur negative globalisasi kontemporari sebelum pun sempat meraih manfaat daripada unsur-unsur positifnya. Berdasarkan pengalaman silam yang diperkuahkan pula dengan kajian ilmiah seperti ini adalah diharapkan akan dapat meramalkan trend-trend baru dalam globalisasi yang boleh meninggalkan kesan berpanjangan terhadap peradaban kita. Seterusnya kita akan dapat mengambil langkah-langkah jangka panjang untuk membendung trend-trend yang negatif.

Isu seterusnya ialah perlunya kita mempunyai “perspektif peradaban tersendiri” dalam menangani dan membahaskan isu globalisasi. Ada banyak isu yang perlu dianalisa selain daripada perspektif Barat. Antaranya, isu erti dan konsep globalisasi itu sendiri, isu asal usul globalisasi, isu penilaian globalisasi bagi menentukan buruk baiknya dan urutan keutamaan dimensi-dimensinya, dan isu bagaimana globalisasi harus dihadapi dan ditangani. Ambil contoh isu asal usul sejarah globalisasi. Dari perspektif Barat,

peradaban Baratlah yang telah mencetuskan fenomena dan proses globalisasi buat pertama kalinya dalam sejarah dunia. Sesetengah pihak di Barat yang berpendapat bahawa globalisasi adalah fenomena khusus zaman kontemporari sudah tentu menonjolkan dunia Barat sebagai pencetus dan penggerak utama fenomena itu. Tetapi pihak lain yang mahu melihat globalisasi sebagai fenomena dunia yang telah berlaku jauh lebih awal dalam sejarah akan mengesahkan puncanya kepada dunia Barat juga, iaitu sekitar tahun 1500 apabila kuasa-kuasa baru muncul Barat menjelajahi dunia untuk menguasai ekonomi dan politik dunia. Pandangan seperti ini tidak boleh dianggap sebagai pandangan global kerana ia tidak menepati hakikat sejarah dunia yang sebenarnya. Itu pandangan “berpusatkan Barat” (“western-centric”).

1.2 Penyataan Masalah

Ketiadaan kajian khusus tentang pandangan Yusuf Al-Qaradhawi terhadap globalisasi adalah antara kajian. Ia mendorong untuk pengkaji melakukan kajian ini. Tidak dapat dinafikan bahawa isu dan masalah yang berkaitan umat Islam, baik yang diwariskan oleh generasi terdahulu ataupun yang berkembang dalam era globalisasi, menjadi isu terpenting untuk dikaji. Pemikiran pengaruh tentang globalisasi dan penyebaran hegemoni barat terhadap umat Islam terutamanya pandangan Yusuf Al-Qaradhawi, salah seorang ilmuan kontemporari terkenal di seluruh dunia termasuk dunia Arab dan Melayu, perlu diberi perhatian dalam usaha memahami dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam.

Dari sudut pandangan tamadun Islam, yang lebih menepati hakikat sejarah dunia, sejarah globalisasi bermula lebih awal lagi, iaitu beberapa kurun lebih awal dari permulaan penjajahan Barat. Dalam bahagian berikutnya nanti, akan disentuh sedikit tentang peranan peradaban Islam sebagai pencetus dan penggerak gelombang pertama globalisasi yang pernah disaksikan oleh dunia. Apa pentingnya kita meninjau latarbelakang sejarah globalisasi dan menoleh jauh ke belakang dalam sejarah hingga ke zaman tamadun Islam menguasai dunia? Sebenarnya ada kerelevannya. Kita akan dapat memaparkan beberapa perbezaan utama antara roh dan semangat globalisasi yang telah dikuasai oleh peradaban Islam dan roh dan semangat peradaban yang telah dicetuskan dan dikuasai oleh peradaban Barat sama ada dalam era penjajahan atau dalam zaman kontemporari. Dalam menyentuh isu-isu globalisasi yang lain juga akan kami mengambil pendekatan perbandingan peradaban.

Selain daripada itu kemunculan isu-isu berkaitan globalisasi terhadap masyarakat Islam merupakan dorongan bagi pengkaji untuk membuat kajian. Antaranya ialah seperti dibawah:

Pengkaji telah mengenalpasti bahawa masalah dunia Islam zaman sekarang berpunca daripada beberapa faktor samada faktor dalaman atau juga faktor luaran. Faktor luaran dipengaruhi oleh gelombang globalisasi Barat yang sedang kita hadapi dan juga kesannya terhadap pola kehidupan dan pemikiran ummat Islam hari ini, telah banyak mengalami krisis budaya, ekonomi, politik, agama dari pemikiran yang jauh dari nilai-nilai Islam. Muhyiddin tidak mesti kita hadapi pengaruh dan cabaran globalisasi ini, iaitu dengan sentiasa memegang kuat terhadap ajaran agama, sehingga kita dapat menyelamatkan moral dan aqidah ummat ini. Dalam usaha untuk menghadapi cabaran ini, Yusuf Al-Qaradhawi telah mengupas dan menjelaskan pembangunan tamadun

Islam dalam era globalisasi. Walau bagaimanapun, kajian berkenaan pengaruh globalisasi terhadap masyarakat Islam oleh pengkaji yang lain dalam bahasa Melayu kurang dilakukan. (Perbincangan secara mendalam tentang pelbagai perkara dan pokok berkaitan makna pembangunan sebenar di Malaysia, lihat Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan Di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman baru Yang Lebih Sempurna* (Kuala Lumpur: ISTAC, 2001).

Peningkatan sejumlah masyarakat Islam yang terpengaruh dengan globalisasi semakin bertambah. Masyarakat Islam yang kebanyakannya hidup di dunia sedang membangun telah dilanda pelbagai arus globalisasi. Kehidupan masyarakat Islam di bandar memperlihatkan suasana kehidupan yang agak bebas dan sentiasa berusaha untuk menonjolkan kehebatan diri sehingga terlibat dengan perkara-perkara yang menyimpang dari norma masyarakat. Sekelompok masyarakat Islam juga berani melakukan sesuatu yang menyalahi adab dan undang-undang Islam itu sendiri seperti berpakaian membuka aurat, bergaul bebas, minum arak, mengganggu orang awam dan berbagai-bagai gejala sosial lain. Perkara-perkara sebegini menimbulkan kebingungan kepada masyarakat sekitarnya, seperti mana menurut seorang intelektual Malaysia dari Universiti Malaya:

Proses regulasi kaedah beragama ataupun mengurus sesuatu agama secara global perlu dilakukan, dengan inisiatif badan antarabangsa. Ianya lebih merupakan usaha kuasa barat mewujudkan tatacara beragama mengikut perspektif barat kepada semua penduduk dunia, yang juga dikatakan sebagai Islam ala Amerika. Nisbah dan tatacara ini perlu disesuaikan mengikut kawasan negara seseorang penganut itu berada berasaskan kepada status kewarganegaraannya, yang mesti tertakluk kepada sistem undang-undang negara terbabit. Islam ala Sweden, Islam ala Perancis, Islam ala Britain dan sebagainya (Mohd Kamil Abd Majid & Rahimin Affandi Abd. Rahim, 2008).

Pelbagai pengaruh globalisasi yang sering dikaitkan dengan generasi kini dalam pelbagai aspek termasuk budaya liar di kalangan remaja di bandar dan luar bandar. Dengan terbentuk budaya ini, maka mereka mencari keseronokan tanpa perlu campurtangan dari pihak lain seperti ibu bapa dan masyarakat khususnya. Mereka bergerak berdasarkan keserasian dan kesesuaian diri bersama rakan-rakan sebaya. Seperti mana dilaporkan oleh Bernama dalam surat khabar Berita Harian iaitu;

Para remaja dan pelajar kini terdedah dengan pelbagai pengaruh luaran dan dalaman yang akhirnya membawa kepada perubahan tingkah laku moral dan adab. Penglibatan mereka kini bukan sahaja berkaitan aktiviti yang melanggar disiplin mahupun peraturan sekolah bahkan turut melibatkan jenayah berat seperti meragut, merogol, melacur, merompak, berjudi, membunuh, pengedar dan menaghid dadah, membuang bayi dan sebagainya. Apa yang menyediakan kita ialah majoriti, jika pun tidak keseluruhan kes yang berlaku kini membabitkan orang Melayu yang beragama Islam (Berita Harian, 6 ogos 2010).

Dalam menghadapi pelbagai arus pemodenan dan globalisasi yang mencabar ini, diharap generasi baru umat Islam dapat mengorak langkah yang lebih tersusun dalam usaha mengembalikan semula keagungan tamadun Islam di pesada dunia. Satu ketamadunan kemanusiaan yang gagal dicapai oleh kerakusan hawa nafsu dunia Barat, satu ketamadunan yang berasaskan kepada keredaan Allah s.w.t pencipta alam ini.

1.3 Objektif kajian

1.3.1 Objektif Umum

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pandangan ilmuan Islam iaitu Yusuf Al-Qaradhwai terhadap fenomena globalisasi dan penyebaran hegemoni barat terhadap masyarakat Islam.

1.3.2 Objektif Khusus

1) Menganalisis proses yang berkaitan globalisasi dan penyebaran hegemoni barat terhadap masyarakat Islam.

2) Mengenal pasti impak positif dan negatif yang timbul dari pengaruh globalisasi dan hegemoni barat terhadap masyarakat Islam.

3) Mengenal pasti pandangan ilmuan Islam Yusuf Al-Qaradhwai terhadap pengaruh dan kesan globalisasi dan penyebaran hegemoni barat terhadap masyarakat Islam.

4) Mengenal pasti wujudnya Penentangan Masayarakat Islam keatas hegemoni barat seperti Al Qaeda, JI, dan ISIS (IS), dan lain-lain.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting kerana ia dapat mengenal pasti pengaruh globalisasi dan hegemoni barat terhadap umat Islam dan seterusnya dapat menjadi tanda aras bagi pihak kerajaan, badan berkanun, badan bukan kerajaan(NGO), individu, masyarakat dan yang terbabit untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh dunia Islam dan seterusnya mengembangkan budaya Islam dan sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan harian terutama sekali terhadap golongan muda sekarang dan generasi akan datang.

Pelbagai pengaruh globalisasi yang sering dikaitkan dengan generasi kini dalam pelbagai aspek termasuk budaya liar di kalangan remaja di bandar dan luar bandar. Dengan terbentuk budaya ini, maka mereka mencari keseronokan tanpa perlu campurtangan dari pihak lain seperti ibu bapa dan masyarakat khususnya. Mereka bergerak berdasarkan keserasian dan kesesuaian diri bersama rakan-rakan sebaya. Seperti mana dilaporkan oleh Bernama dalam surat khabar Berita Harian iaitu;

Para remaja dan pelajar kini terdedah dengan pelbagai pengaruh luaran dan dalaman yang akhirnya membawa kepada perubahan tingkah laku moral dan adab. Penglibatan mereka kini bukan sahaja berkaitan aktiviti yang melanggar disiplin mahupun peraturan sekolah bahkan turut melibatkan jenayah berat seperti meragut, merogol, melacur, merompak, berjudi, membunuh, pengedar dan menaghid dadah, membuang bayi dan sebagainya. Apa yang menyedihkan kita ialah majoriti, jika pun tidak keseluruhan kes yang berlaku kini membabitkan orang Melayu yang beragama Islam (Berita Harian, 6 ogos 2010).

Menurut Abd.Halim Tamuri & Khadijah Abd.Razak (2003), penampilan akhlak luaran remaja masa kini menjadi semakin parah.Buktinya, statistik serta kajian pihak berkuasa, badan bukan kerajaan (NGO) serta institusi pengajian tinggi tempatan menunjukkan betapa jenayah pelajar di dalam mahupun di luar sekolah, bukan lagi sesuatu yang boleh dipandang ringan.

Perkara ini diakui sendiri mantan Ketua Polis Negara Malaysia, Tan Sri Musa Hassan yang memetik statistik menunjukkan peningkatan kes jenayah bunuh, rogol, samun, merusuh, mencuri dan kesalahan lain membabitkan anak muda tersebut. Selain peningkatan kes, jumlah tangkapan pelajar berumur antara 13 hingga 18 tahun juga turut mencatatkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.Buktinya, bagi sepanjang 2007, sejumlah 1,836 kes jenayah dilaporkan dengan 3,383 pelajar ditahan.Angka itu meningkat sebanyak 382 kes kepada 2,218 kes tahun lalu yang menyaksikan seramai 3,725 pelajar ditahan. Belumpun reda dengan kejutan akibat kenyataan Musa (Statistik Polis Diraja Malaysia,2005-2007:4).

Naib Pengurus Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye pula mendedahkan, dalam tempoh dua bulan pertama tahun 2008 saja, seramai 295 pelajar berusia antara 13 hingga 18 tahun terbabit pelbagai kes jenayah termasuk membunuh. Sambil mengakui trend itu amat membimbangkan. Lee berkata kebanyakan pelajar itu terbabit dalam kes curi motosikal selain kes pecah rumah, mencederakan orang lain dan rogol. Lebih menyedihkan, walaupun kelab pencegahan jenayah sudah dilancarkan di 3,764 sekolah sejak 1994, ia ternyata tidak berjaya membendung kadar peningkatan jenayah dalam kalangan pelajar (Lee Lam Thye, 2009).

Laporan yang diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2003 dan statistik daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) juga menunjukkan penglibatan dalam gejala sosial bermula seawal umur 10 tahun. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan pada tahun 2005 oleh PDRM, sebanyak 76,403 kes jenayah yang dilaporkan pada tahun tersebut di seluruh Malaysia iaitu melibatkan jenayah berbentuk kekerasan dan jenayah harta benda (Statistik PDRM, 2005).

Peningkatan jenayah-jenayah yang terlibat oleh masyarakat Islam terutamanya golongan muda zaman sekarang adalah kesan daripada pengaruh globalisasi dan budaya Barat yang mengutamakan kebebasan dan mempunyai penghayatan yang kurang terhadap agama sendiri dan agama lain menyebabkan masyarakat Islam yang dipengaruhi cenderung untuk melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Islam seperti minum arak, menghisap dadah dan sebagainya. Media massa yang menyiarkan budaya Barat yang penuh dengan keganasan melampau, budaya berpakaian seksi, perlakuan sumbang seperti seks bebas dan lain-lain turut mempengaruhi masyarakat Islam dalam melakukan jenayah-jenayah seperti merosakkan harta awam, rogol, mencuri, pembunuhan dan sebagainya.

Scenario ini amat membimbangkan kerana remaja dan pelajar kini telah mula berjinak-jinak dengan aktiviti jenayah yang lebih berat.Kesan daripada pengaruh globalisasi telah menyebabkan kurang penghayatan terhadap agama menjadikan masyarakat umat Islam kelihatan terjerumus ke lembah krisis identiti yang terzahir melalui perbalahan malah pembunuhan sesama sendiri dan seumpamanya.Sekiranya keadaan ini berterusan, kita khuatir kesan yang lebih buruk lagi akan melanda masyarakat kita sekiranya ia tidak dibendung pada peringkat awal dan program pencegahan tidak dilakukan oleh semua pihak.

Kajian ini juga diharap dapat memberi sumbangan dari sudut ilmu pengetahuan kepada masyarakat umum mengenai pengaruh Globalisasi dan hegemoni barat terhadap masyarakat Islam dan seterusnya dapat mengubah dan berhati-hati masyarakat Islam terhadap apa yang dibawa oleh masyarakat barat.

Selain itu, diharap kajian ini dapat dijadikan panduan kepada penyelidik akan datang dalam bidang peradaban Islam kerana didapati penyelidikan tentang pandangan ilmuan Islam terutamanya pandangan Yusuf al-Qaradhawi tentang globalisasi agak berkurangan. Tidak dinafikan terdapat banyak bahan-bahan rujukan seperti buku-buku dan artikel mengenai globalisasi tetapi dari segi penyelidikan yang mengkhususkan kepada pandangan ilmuan Islam tentang pengaruh globalisasi dan hegemoni barat terhadap masyarakat Islam sukar untuk diperoleh. Pada dasarnya dunia hari ini sukar untuk dielakkan dari suasana globalisasi sebagaimana kuasa dan hegemoni barat yang mempengaruhi manusia, masyarakat dan negara sama ada Islam ataupun bukan Islam, malahan kebanyakan masyarakat Islam mengamalkan gaya hidup barat akibat globalisasi yang datang secara meluas dari negara-negara barat.

1.5 Organisasi Tesis

Kajian ini disusun dan dipersembahkan mengikut bab bagi memudahkan pembacaan. Ringkasan bab-bab tersebut adalah seperti berikut:

Bab 1, ialah pendahuluan yang merangkumi latar belakang kepada tajuk kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian.

Bab 2, tinjauan bahan bertulis mengenai globalisasi dan pengaruhnya, patriotisme, isu-isu kemasyarakatan, sistem pendidikan kontemporari, penjajahan baru, pasaran bebas dan keberkaitan teori perubahan dalam al-Quran dengan globalisasi.

Bab 3, membincangkan metodologi kajian yang merangkumi cara pengumpulan data dan kaedah kaedah pengumpulan data dan penganalisan data.

Bab 4, membincangkan tentang pandangan Yusuf al-Qaradhawi tentang penyebaran dan pengaruh hegemoni dan globalisasi barat di dunia Islam. Di sini membincangkan globalisasi dan hegemoni bahasa, agama, mengkristiankan dunia, penindasan kepada orang Islam dan serangan yang berbentuk pemikiran seterusnya membincangkan globalisasi budaya, trend budaya barat, seperti hiburan yang diimpor dari barat, makanan barat, teknologi maklumat, pengamerikan dunia, penindasan, serta kesan positif dan negatif globalisasi turut dibincangkan. Dalam bab ini juga membincangkan globalisasi politik, ekonomi, globalisasi dan sekularisme, kesan negatif dan positif globalisasi ekonomi dan gambar rajah kesan merudumnya ekonomi di Asia Tenggara.

Bab 5, implikasi serta pendirian penulis terhadap globalisasi dan hegemoni Barat. Ia dapat menjelaskan bagaimana mengembalikan dan menghidupkan jiwa keagamaan dalam kehidupan era globalisasi dan hegemoni Barat.

1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Globalisasi

Menurut Kamus Dewan, globalisasi membawa maksud "fenomena yang menjadikan dunia kelihatan mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. (Teuku Iskandar (Dr.), et al., Kamus Dewan, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cet. 5, Edisi 3, 2000, Hal. 408).

Setakat ini kita telah menggunakan istilah globalisasi tanpa memberi definisi yang jelas kepada istilah tersebut walaupun beberapa ciri dan dimensi globalisasi dinyatakan. Tetapi bagi perbincangan selanjutnya, konsep globalisasi perlu dihuraikan dengan lebih terperinci lagi.

Istilah "globalisasi" diberi beberapa pengertian dan difahami di dalam pelbagai konteks penggunaannya. Diturunkan di sini beberapa definisi dan penjelasan tentang globalisasi. Menurut Princeton N. Lyman, Felo Kanan di Institut Keamanan, Amerika Syarikat dan bekas Duta negara itu ke Afrika Selatan, globalisasi biasanya diertikan sebagai merujuk kepada "rapid growth of interdependency and connection in the world of trade and finance". Beliau juga berpendapat bahawa globalisasi tidak boleh dihadkan kepada fenomena perdagangan dan pengaliran kewangan yang berkembang dan kian meluas. Ini kerana, menurutnya, "there are other trends driven by the same explosion of technological capability that have facilitated the financial changes. Globalization of communications is one such trend". (Princeton N. Lyman, 2000).

Dalam hal ini, pengkaji menolak pengertian globalisasi yang terhad kepada fenomena ekonomi. Di samping itu, ia tidak dapat menerima pandangan yang mengatakan bahawa apa yang disebut globalisasi hanyalah merupakan fenomena Amerika Utara, bukannya fenomena Eropah. Banyak benda boleh diglobalisasikan. Antaranya, "goods, services, money, people, information, effects on the international order as well as less tangible things such as ideas, behavioural norms and cultural practices". (Princeton N. Lyman, 2000).

Selaras dengan cakupan luas fenomena globalisasi ini, Centre for the Study of Globalisation and Regionalisation (CSGR) mempunyai dua pandangan terhadap fenomena itu. (<http://www.csgr.org/>)

Pertama, globalisasi dilihat sebagai satu himpunan proses.

Globalization is the emergence of a set of sequences and processes that are increasingly unhindered by territorial or jurisdictional barriers and that indeed enhance the spread of trans-border practices in economic, political, cultural and social domains.

Kedua, globalisasi dilihat sebagai satu wacana. Globalization is a discourse of political and economic knowledge offering one view of how to make the postmodern world manageable. (<http://www.csgr.org/>)

David Loy, seorang pensyarah dari Universiti Bunkyo, Jepun dan salah seorang pembentang kertas di Persidangan Globalisasi anjuran JUST melihat globalisasi sebagai "a complex set of developments: economic, political, technological and

cultural”. Perisytiharan yang dikeluarkan di akhir Persidangan yang sama telah membuat kesimpulan berikut:

“Globalization refers to the interconnectedness of human activity on a global scale, to the unprecedented flows of capital and labour, technology skills, ideas and values across state and national boundaries, but in ways which neither states nor nations can adequately control”. (David Loy, 1998).

Kepelbagaiannya dimensi globalisasi juga ditegaskan oleh Leonor Briones, Penggerusi Focus on the Global South, sebuah badan serantau bukan kerajaan (NGO) yang beribu pejabat di Bangkok. Menurutnya, bukan sahaja terdapat globalisasi perniagaan dan ekonomi tetapi selari dengannya juga terdapat “globalization of the democratic institutions, social development and human rights and the women’s movement”. Akhirnya, memandangkan bahawa globalisasi ekonomi pada umumnya dianggap sebagai teras fenomena yang dinamakan globalisasi, maka ingin diturunkan di sini satu definisinya yang dikira dapat membantu kita merumuskan erti dan ciri-ciri globalisasi secara komprehensif.

“Economic globalisation is a deepening process of interdependence of world economies in various fields, including production and market, which optimize the distribution of various production factors and resources by promoting cross-border flows of human resources, capital, commodities, services, technology and information”. (Leonor Briones, 1977).

Berdasarkan beberapa definisi dan penjelasan terpilih ini yang boleh dianggap sebagai mewakili pandangan terbanyak, kita dapat mengenalpasti ide-ide kunci yang terkandung dalam konsep globalisasi. Dengan mengambil kira ide-ide ini kita dapat mengemukakan makna komprehensif globalisasi seperti berikut. Globalisasi ialah suatu himpunan proses pengaliran global berbagai-bagai jenis objek yang melibatkan pelbagai bidang aktiviti manusia. Objek yang diglobalisasikan boleh jadi fizikal atau bukan fizikal. Boleh jadi ia dalam bentuk maklumat, ide, nilai, institusi, atau sistem. Himpunan proses pengaliran global ini dan bidang aktiviti manusia yang terlibat kian kait mengait, saling bergantung dan kompleks sifatnya. Dengan bersandarkan takrif dan penjelasan ciri-ciri utama globalisasi yang dinyatakan di atas, kita dapatkan adalah munasabah untuk membahagikan fenomena dan proses globalisasi kepada pelbagai dimensi termasuklah empat dimensi yang terpilih untuk dibincangkan kesannya terhadap peradaban.

Globalisasi yang diberi erti luas ini adalah suatu hakikat yang tidak dapat dipertikaikan. Kita juga mengambil pendirian di sini bahawa hakikat yang dinamakan globalisasi itu sudah wujud sebelum istilah globalisasi diperkenalkan lagi. “Globalization was a reality without a name.” Globalisasi tanpa nama ini sudah wujud bukan sahaja dalam era penjajahan dan imperialism Barat yang bermula di sekitar tahun 1500 tetapi juga sebelumnya dalam era tamadun Islam menguasai dunia. Malahan trend globalisasi dalam era dominasi Islam pula dapat dikesan akar umbinya ke zaman pra Islam.

Pada sifatnya, imperialisme adalah suatu bentuk globalisasi. Paling tidaknya, ia boleh dianggap sebagai agen globalisasi. Setiap imperialisme mempunyai kecenderungan untuk mengglobalisasikan objek-objek tertentu. Dari segi ini, kita boleh memperkatakan bahawa sebelum Islam, tamadun Romawi dan tamadun Parsi telah mencetuskan trend-trend globalisasi tertentu dalam eranya atau pun memperpesatkan trend-trend yang

sedia ada. Dalam membuat dakwaan bahawa globalisasi adalah suatu kenyataan sebelum zaman kontemporari, kami tidak bermaksud tidak ada perbezaan langsung antara globalisasi zaman sekarang dengan globalisasi zaman dahulu. Memang ada perbezaan ketara antara globalisasi dalam satu era dengan globalisasi dalam era yang lain. Namun demikian, perbezaan itu bukan dari segi sifat tetapi dari segi ciri-cirinya. Selagi kita bercakap tentang hakikat yang sama, iaitu globalisasi, maka selama itu sifatnya tetap sama tanpa mengira zamannya. Sifatnya ialah sebagai “proses pengaliran global objek-objek.” Malahan, secara kasarnya, bidang-bidang aktiviti manusia yang terbabit dengan proses pengaliran objek ini juga tidak berubah.

Keempat-empat dimensi globalisasi kontemporari yang hendak dibincangkan juga terdapat pada globalisasi zaman Islam. Tetapi ciri-ciri globalisasi banyak berubah sesuai dengan perubahan zaman. Misalnya, ciri kepesatan, ciri kesaling bergantungan, ciri keluasan dan ciri kepantasan. Berbanding dengan zaman-zaman lepas, pengaliran objek-objek pada zaman sekarang jauh lebih laju, lebih meluas dan melibatkan jenis dan kuantiti objek yang lebih banyak. Lihat sahaja kepada barang-barang ekonomi yang membanjiri pasaran dunia. Bidang-bidang utama aktiviti manusia tadi semakin maju dengan kewujudan sub bidang yang semakin bertambah dan berkembang dan bidang-bidang ini semakin kait mengait dan saling bergantung. Fenomena globalisasi boleh dikiaskan sebagai gelombang yang melanda dunia. Gelombang globalisasi pada zaman moden lebih besar, kuat dan laju daripada gelombang globalisasi dalam era Islam. Tetapi gelombang globalisasi zaman pasca moden lebih besar lagi, lebih perkasa dan lebih pantas lagi jika dibandingkan dengan gelombang globalisasi zaman moden.

Dalam Japan bahagian yang berikut, satu tinjauan ringkas akan dibuat terhadap globalisasi dalam dua era yang lepas, iaitu era Islam dan era penjajahan Barat, dengan tujuan untuk mendapatkan sedikit gambaran dampak masing-masing ke atas peradaban. Kemudian, dampak kedua-dua gelombang globalisasi ini boleh dibandingkan dengan kesan dan dampak yang mungkin didatangkan oleh globalisasi kontemporari.

1.6.2 Konsep dan Teori Globalisasi

Menurut Samuel Huntington, akan terjadi “Clash of Civilization”, Clash berarti pertentangan/benturan. Ini bermaksud ia akan ada semacam pertentangan antara peradaban yg merupakan sebuah entiti kultural menggantikan entitas negara yg konvensional. Akan ada sekitar 8-10 peradaban besar yang nantinya akan mendominasi dinamika politik dan konflik di dunia. (Samuel Huntington, 2004). Mengikut Teori Benturan Peradaban (Samuel Huntington, 2004) oleh Samuel, dunia dibahagikan kepada dunia barat dan timur, Kristen dan Pagan. Hasilnya, berkemungkinan bangkitnya kekuatan Islam sebagai “peradaban” yang solid. Hal ini tentu saja diwarisi oleh kenangan super pahit Eropa (terutama Inggris dan Perancis) pasca kekalahan Perang Salib melawan pasukan Islam. Pembagian peradabannya adalah:

1. Barat: Sang pemenang dalam teori ini.
2. Islam: Semua negara yang berbau Islam
3. Orthodox: Pengikut kristen orthodok
4. Hindu: India
5. Sino: Rumpun Cina, termasuk Cina Diaspora, Korea, Vietnam, Singapura dan Negara-negara lain yang majoriti merupakan etnik Cina.
6. Afrika

7. Buddha: Thailand, Myanmar, Laos, Tibet
8. Amerika Latin: Katholik yang sinkretik dengan kepercayaan lokal, terutama animisme-dinamisme.
9. Alone, solitaire dan unique civilization, seperti Israel, Caribia dan lain-lain.

Al-Qaradhawi menerangkan bahawa kata globalisasi dalam bahasa arabnya “Awlamah” adalah kata terbitan di atas timbangan(wazan) “Faw’alah”. Kata ini berasal dari kata “Alam”. (Yusuf Al-Qaradhawi, 2001: 21). Dalam usaha menjelaskan maksud tersebut, beliau menerangkan:

"Adapun globalisasi, kami melihat - berdasarkan seruannya sehingga ke hari ini - adalah pemakaian penguasaan politik, ekonomi, budaya dan sosial daripada Amerika Syarikat terhadap dunia, khususnya dunia timur dan dunia ketiga, bahkan secara lebih khusus, dunia Islam" (Yusuf al-Qaradhawi , Mafhum al-'Awlamah wa Maza Ta'ani, ms 21)

Menurut Anthony Giddens, globalisasi boleh didefinisikan sebagai “*The intensification of worldwide social relations which link distant localities in such a way that local happenings are shaped by events occurring many miles away and vice versa* (hubungan sosial serata dunia secara intensif yang mana tindakan pihak tempatan ditentukan oleh peristiwa yang berlaku berbatu-batu jauhnya dan juga perkara disebaliknya)” (Giddens, A. 2000: 44).

Kesimpulannya, globalisasi boleh dianggap sebagai satu era baru dalam sejarah manusia yang membawa kepada terhapusnya kepentingan sempadan negara dan seterusnya menjadikan birokrasi, golongan ahli politik dan ketenteraan sebagai institusi yang tidak lagi penting. Dalam keadaan ini, mereka yang lemah dan hanya mengharapkan pertolongan orang lain akan ketinggalan. Sebaliknya, mereka yang cekap dan bijak merebut peluang akan berjaya.

1.6.3 Hegemoni

Hegemoni berasal daripada perkataan Yunani, hegemon yang bermaksud ketua (McLean, I, 1996: p. 218). Menurut Kamus Dewan, hegemoni ialah pengaruh atau dominasi sesebuah negara atas negara-negara lain (Kamus Dewan, 2002: p. 448).

Daripada definisi di atas, hegemoni boleh difahami sebagai cengkaman atau dominasi sesuatu pihak ke atas pihak lain yang secara relatif lebih lemah, terutamanya dari segi ekonomi, politik, agama dan sosial.

1.7 Skop & Batasan Kajian

Pada asasnya kajian ini memfokuskan kepada pengaruh dan kesan globalisasi dan hegemoni barat terhadap masyarakat Islam berdasarkan ilmuwan Islam terutamanya Yusuf Al-Qaradhawi terhadap globalisasi. Untuk mencapai objektif kajian, skop kajian ini sejalan dengan objektif kajian iaitu:

- 1) Menentukan sejauh manapengaruh globalisasi dan penyebaran hegemoni barat terhadap masyarakat Islam sejagat.

- 2) Mengenal pasti impak positif dan negatif yang timbul dari pengaruh globalisasi dan hegemoni barat di negara-negara Islam.
- 3) Mengenal pasti pandangan ilmuan Islam terutamanya pandangan Yusuf Al-Qaradhawi terhadap pengaruh globalisasi dan penyebaran hegemoni barat terhadap masyarakat Islam sejagat.

RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim.*
- Abdul Ghani Samsuddin. (2006). *Tinta &Minda Mengenai Islam, Ulama&Umara*. Kuala Lumpur: Intel Media and Publication.
- Abdul Halim Tamuri,& Khadijah Abdul Razak (2003). Pengajaran Akhlak di Sekolah Menengah: Persepsi Pelajar- Pelajar. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3): Antara Tradisi Dan Inovasi. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti KebangsaanMalaysia.
- Abdullah Hassan. (2009). *Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jatidiri dengan Rempuan Globalisasi*.Pahang: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah Hassan(Ed.).(2005). Malay Images. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abul A'la Maududi.(1976).Human Rights in Islam.:Islamic Foundation
- Ahmad Sunawari Long. (2007). Pengenalan metodologi Penyelidikan Pengajian Islam,Bangi:Jabatan Usuludin UKM
- Adam Smith. (1776). *An Inquiry into the Nature and Cause of Wealth of Nations.Lagas: Liberty Publisher*
- Adian Husaini.(2005). Wajah Peradaban Barat Dari Hegemoni Kristen Ke Dominasi Sekular-Liberal.Jakarta: Gema Insani.
- Ahmad As-Sawi Sawi. (2005). "Al-Qayyimuddiniyyah Wal-Thaqafah Al- 'Aulamah. Al-Qahirah. Mesir : Darut Tauzik.
- Ahmad H. Sakr. (1991). *Ramuan Makanan Segera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alisjahbana, S. T. (1974). *Values as Integrating Forces in Personality, Society and Culture*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Amran Muhammad. (2001). Harim azzakum Allah short stories: Yemen times.
- Asharil Suhardi Abdullah. (2004). *Subbudaya Punk Di kalangan Remaja Melayu* Kuala Lumpur: UPM.
- _____. (1976). *Perhiburan (Entertainmentization) dan Attarikh Al Islami jilid 4*. Kelantan: Jabatan Agama Islam Kelantan.
- Asmah Haji Omar.(2006). *Bahasa Melayu di Samudera: Benih yang Baik Menjadi Pulau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. & Morris, P. (Eds.).(2005). *Religion and Identity*.Perak: Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Barnard, T. P. (Ed.). (2004). *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*. Singapore: Singapore University Press.
- _____. & Maier, M. J. (2004). Melayu, Malay, Maleis: Journeys through the Identity of a Collection. Dalam Barnard, T. P. (Ed.). *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*. Singapura: Singapore University Press.
- Bennabi, M. (1954).*The Problem of Ideas in The Muslim World*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Berita Harian, 6 ogos 2010.
- Berlson .B .(1952).Content analysis in Communication research. New York: Free Press.
- Bernstein, B. (1971). *Towards a Sociology of Education*.London: Language and Education.
- Bustanuddin Agus.(2011). Islam & Globalisasi. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa Chandra Muzaffar, Global Ethic or Global Hegemony?: Reflections on Religion, Human Dignity And Civilisational (2005), Asean Academic Press Ltd.

- David Loy, 1998. "Can corporations become enlightened? Buddhist reflections on TNCs," Joseph A. Camilleri and Chandra Muzaffar, eds., *Globalization: The Perspectives and Experiences of the Religious Traditions of Asia Pacific* (Kuala Lumpur: International Movement for a Just World. hal. 63.
- David P. Calleo.(1996).*Coleridge and the Idea of the Modern State*. New Heaven and London: Yale University Press.
- David Ricardo. (1817). *On the Principles of Political Economy and Taxation* (1 ed.). London: John Murray.
- Giddens Anthony (1990). *The Consequences of Modernity*. Cambridge: Polity Press.
- Hamid Albar. (1997).*Menilai Ranjau Dan Prospek Kerajaan Malaysia* (The Organization of Muslim Community) in Seminar Belia Dan Globalisasi Kuala Lumpur:ABIM
- Hashim Fauzy Yaacob (2004).*Globalisasi dan Kesan Negatif Ke Atas Budaya*. *PemikirApril*, 1-32.
- H. Roeslan Abdulgani, (1999). "Prespektif Diplomasi Indonesia-Amerika Serikat", dalam "*JURNAL STUDI AMERIKA*" Volume V. Pusat Kajian Wilayah Amerika, Universitas Indonesia.
- <http://nurjeehan.wordpress.com/2007/06/28/strategi-globalisasi-perlu-pertahan-nilai-agama/>. Akses pada 28hb Jun 2007
- <http://www.abim.org.my/madani/content/view/157/2/>. Akses pada 28hb Jun 2007
- http://www.nre.gov.my/English_Version/ict/ict04.htm. Akses pada 2hb July 2008
- http://www.sabah.org.my/bm/nasihat/artikel_remaja/cabaran_globalisasi.htm.akses pada 8hb Jan 2009
- Imran Husein. (1997). *Masjid Dar Al-Quran*. New York: One Jama'at One Ameer. ______. (1997). *The Age of Fitan*. Dalam One Jama'at One Ameer Imran.Hosein New York: (ed.) *Masjid Dar Al-Quran*.
- Ibn Battuta, Travels in Asia and Africa, terjemahan Hamilton A. R. Gibb (London: C. Rankedge & Sons, Ltd., 1929), hal. 282.
- Ishak Shari. (1998). *Globalisasi dan Implikasinya Terhadap Perancangan dan Pembangunan*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- JAIJ.(2007). Menangani Gejala Jenayah Syariah. Johor Bahru: Jabatan Agama Islam Johor.
- Kementerian Penerangan Malaysia.(2006). Dasar-dasar Kerajaan. Kuala Lumpur. Jabatan Penerangan Malaysia.
- Laporan Tahunan. (2007). *Agensi Anti Dadah Kebangsaan*. Kuala Lumpur. Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Leonor Briones, Parallel Trends of Globalization, <http://www.elibrary.com/s/edumark/getd...n:bigchalk.com:US>, January 3, 1977.
- Lily Mastura Harun & Ramlan Hamzah.(2007). *Asas Kaunseling Keluarga*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Lim Kock Yuan. (2001). Hegemoni Bahasa Inggeris dan Kesannya. *Jurnal Pemikir Julai-September*, 205-222.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- McLean, I. (1996).*The Concise Oxford Dictionary of Politics*. Oxford. Oxford University Press.
- Mej. Mohd Nasir B.Sulaiman. (1999). *Globalisasi: Cabarannya Kepada Malaysia*. Kuala Lumpur Universiti Malaya

- Mohd Azizuddin Mohd Sani, Mas Juliana Mukhtaruddin, Mohd Baharuddin Othman (2004). *Globalisasi dalam Perspektif: Isu dan Cabaran*. Selangor: IBS Buku Sdn Bhd.
- Mohd Taib Osman. (2004). Globalisasi' Patriotisme dan Isu-isu Kemasyarakatan.Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Mohamad Kamil & Rahimin Affandi. (2008). Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Analisis Terhadap Gagasan Islam Hadhari. <http://www.islamhadhari.net/>. Dilayari pada Jun 2012.
- Muhammad Ali Al Hashimi. (1999). *The Ideal Muslim: The True Islamic Personality of The Muslim Man as Defined in the Quran and Sunnah*. Saudi Arabia: Darul ifta'.
- Muhammad Shabri Abdul Majid. (1995). *Pemain Utama Globalisasi*. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura.
- Muhammad Yusuf Khalid, et all. (2002). Isu Dakwah dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi.Kuala lumpur:Fajar Ulung International Book Center.
- Nik.Mustapha Hj.Nik Hassan, Sh. Mohd Saifuddeen Sh. Mohd Salleh & Hamiza Ibrahim. (1999). *Globalisasi, Peranan Ekonomi dan Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Nik Mustapha Nik Hassan & Mazilan Musa. (2000). *The Economic and Financial Imperatives Of Globalisation: An Islamic Response*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Noradibah .(2009). Cabaran Globalisasi: Kesannya Kepada Remaja. Kuala Lumpur: Utusan Pengguna Ogos, ms2.
- Noam Chomsky. (1993). Year 501: The Conquest Continues, Boston: South End Press.
- Noriah Taslim. (2004). Memecah Hegemoni Modernisme. *Pemikir April-Jun*, 33-48.
- Nurdeng Deuraseh. (2007). Islam-Technoscientific Identities.*Minerva*,45(1), 97-99.
- _____. (2008).The Dialogue of Civilizations in the Birth of Modern Science.*Journal of World History*,19(4), 552-556.
- Princeton N. Lyman, "Globalization and the demands of governance," Georgetown Journal of International Affairs (Winter/Spring 2000), Premier Issue, hal. 90.
- Rahimah Abd Aziz& Yusoff Ismail (2002). Masyarakat, Budaya & Perubahan.Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosmani Binti Ibrahim. (1998). Masalah Amalan Lepak di Kalangan Remaja Melayu: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah. Fakulti Sastera dan SainsSosial, Universiti Malaya
- Samuel Huntington, (2004). *Benturan Antarperadaban dan Masa Depan Politik Dunia* (The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order), Penerjemah: M. Sadat Ismail, Cet. 8, Penerbit Qalam, Yogyakarta.
- Samsudin A. Rahim. (1994). Tingkah laku Lepak di Kalangan Remaja (Kajian di Semenanjung Malaysia).Laporan akhir dimajukan kepada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Seyyed Hossein Nasr (1987). Science and Civilization in Islam. Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1998). Dari "Projek Pembangunan" Ke "Projek Globalisasi": Tercabarnya Budaya Merancang.Seminar Kebangsaan Perancangan dan Pembangunan Dalam Era Globalisasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaw, G. B. (1935). *The Islamic Scholar: Text and Commentary of the Historic Conversation* Editing by Imran Husen. New York: Mesjid Dar al-Qur'an Press.
- Sidek Baba. (2002). *Globalisasi dan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

- Sidek Baba. (2011). *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn.Bhd.
- Sieh Lee Mei Ling (2007). *Menangani Cabaran Dunia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Siti Dahliah Mohd Nasir. (2002). *The Impact Of globalization On Malaysian Economy*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa.
- S.M. Mohamad Idris. (2000) *Menyanggah Globalisasi Agenda Bertindak Dunia Islam*. Kuala Lumpur: Teras Pengupayaan Melayu (TERAS).
- S.M.N. al-Attas. (1993). *Islam and Secularism2nd edition*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Soon, K. V. (2007). Globalisasi dan Kesannya Terhadap Keluarga dan Masyarakat. (terjemahan Hayati Osman) .Bangi:Penerbit UKM.
- Stempel, G.H & Westley B.H. (1981). Research methods in mass communication. Englewood Cliffs(first edition). New Jersey: Prentice-Hall.
- Ugi Suharto. (2002). Al-Attas dan Al-Qaradhawi mengenai Islam dan sekularisme.*AFKAR Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, Bil(3), 143-164.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- _____.(2001). Pembangunan di Malaysia ke arah satu kefahaman baru yang lebih sempurna. Kuala Lumpur: ISTAC
- Yusuf Al-Qaradhawi.(2012). Yusuf al-Qaradhawi & Kebangkitan Rakyat.Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- _____.(2001). *Al-Islam Wal'aulamah Cetakan 1*. Beirut: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- _____. (2001). *Islam dan Globalisasi Dunia Cetakan Pertama*. Diterjemah oleh Nabhani Idris. Jakarta Timur:Cv.Pustaka Al-Kauthar.
- _____.(1999). Awamil al-si'ah wa al-murunah fi al-sharic ah al-Islamiyyah. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- _____. (1998). Al-Iman wa al-Hayah. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- _____. (1996). *Fatwa Antara Ketelitian & Kecerobohan*. Diterjemah Oleh Ahmad Nuryadi Asmawi. Selangor: Thinker's Library.
- _____.(1996). Hukum Zakat Terjemahan Dr.Salman Harun, PT.Ptaka Litera AntarNusa Bogor.
- _____. (1995). *Tamadun Islam Alternatif masa depan*. Bandar Baru Bangi:Maktabah Al-Qaradhawi
- _____. (1995). *Daurul Qiyam Wal Akhlak Fil Iktisadil Islam*. Beirut: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- _____. (1990). *Ikut Ulama yang mana?Etika Berfatwa dan Mufti-mufti Masa Kini*. Jakarta: Pustaka al-Kauthar.